

EKSPLORASI TERJEMAHAN. Oleh Goh Sang Seong. 2017. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Halaman 250. ISBN 978-983-49-1420-2.

Buku ini merupakan kombinasi hasil penulisan berkaitan dunia terjemahan oleh 10 orang penulis. Sebanyak sembilan buah artikel mengupas hal-hal berkaitan kaedah, teori, istilah, strategi, teknik dan panduan terjemahan. Bab-bab dalam buku setebal 250 muka surat ini dikategorikan kepada tiga bahagian utama, iaitu Bahagian 1 (Teori dan Pendekatan Penterjemahan dan Penyuntingan, Penterjemahan Maklumat Prosedur dan Kesannya Terhadap Proses Inferens Pembaca dan Penyuntingan Teks Terjemahan Sains dan Teknologi), Bahagian 2 (Penterjemahan Teks Undang-undang, Penterjemahan Teks Falsafah, Penterjemahan Teks Pengajian Penterjemahan dan Penterjemahan Teks Linguistik) dan Bahagian 3 (Penterjemahan Teks Panduan Penggunaan dan Penterjemahan *Surtitle*). Pengulasan buku ini dibuat berdasarkan setiap bab dan kemudian ulasan keseluruhan merangkumi semua bab.

Proses penterjemahan teks bukan sekadar memindahkan makna yang tersirat daripada sesuatu bahasa kepada satu bahasa yang lain tetapi lebih berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan sains dan teknologi daripada dunia luar kepada dunia pembaca sasaran. Seseorang penterjemah yang hebat perlu memastikan penyampaian maklumatnya tepat, berkualiti, penggunaan kaedah dan strategi terjemahan yang sesuai agar maklumat yang diterjemahkan dapat digunakan dan diaplikasikan dengan mudah serta membantu meningkatkan ilmu pengetahuan. Terjemahan teks sains dan teknikal memerlukan gaya penulisan yang sangat teknikal dan separa teknikal. Kedua-dua teks terjemahan memerlukan gaya bahasa formal, kosa kata dan penggunaan istilah yang khusus. Di Malaysia, proses penterjemahan istilah dalam bidang sains dan teknologi merupakan cabaran kerana banyak ungkapan disebarkan dalam bahasa Inggeris. Senario tersebut telah mewujudkan suatu keperluan untuk menterjemah dan mencipta istilah-istilah yang khusus. Oleh itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengorak langkah menggariskan beberapa prosedur penterjemahan istilah, iaitu Peminjaman, Pinjam Terjemah (Calque), Akronim dan Singkatan, Penterjemahan Unit Ukuran, Formula dan Mata Wang, Grafik, Transposisi, Modulasi, Persamaan atau Kesetaraan, Adaptasi, Pengembangan dan Kependekan, dan akhir sekali Penstrukturan Semula. Selain penggunaan prosedur-prosedur penterjemahan istilah, ciri-ciri seperti penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran, pengetahuan latar budaya masyarakat teks sumber dan teks sasaran, peka perbezaan bahasa, minat, kepakaran yang tinggi dalam penggunaan perisian dan memahami kaedah penterjemahan perlu dimiliki oleh penterjemah teks saintifik dan teknikal.

Seterusnya, bab ke-2 berkaitan terjemahan kata hubung yang mempunyai implikasi terhadap makna keseluruhan ayat. Kesan terjemahan kata hubung, iaitu *and* dan *but* terhadap inferens pembaca telah mendorong pengkaji melakukan analisis menggunakan teori Relevans (TR) yang mendasari prinsip Relevans Kognitif dan Relevans Komunikatif. Teori ini adalah untuk menjelaskan ciri-ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran. Penggunaan *and* dan *but* kerap berlaku dalam pelbagai bidang. Sekiranya kedua-dua perkataan tersebut diterjemahkan dengan cara yang salah, maka maksudnya berbeza dan pembaca bahasa sasaran akan terkeliru. Oleh itu, sesuatu terjemahan perlu mematuhi idea-idea dan prinsip-prinsip relevans dalam teori tersebut. Terjemahan secara literal tidak boleh dilakukan dengan mudah. Sebaliknya, padanan yang sesuai untuk *and* dan *but* dengan maksud ayat adalah penting untuk mengelakkan maksud keseluruhan ayat terjejas. Penggunaan kata hubung dalam sesuatu konteks boleh membantu penutur menjimatkan masa dan usaha dalam memilih proses inferens yang perlu untuk menginterpretasikan ujaran bagi mencapai kesan kognitif yang tinggi.

Sesuatu teks yang telah diterjemahkan akan melalui proses penyuntingan atau *revision*. Teks terjemahan yang disemak sendiri cenderung terlepas pandang disebabkan kekangan kemampuan penterjemah itu sendiri. Oleh itu, peranan penyunting lain adalah perlu untuk mengimbangi ketidaksempurnaan sesuatu terjemahan. Penulis telah mengesyorkan dua jenis penyuntingan, iaitu penyuntingan isi kandungan dan penyuntingan naskhah. Penyuntingan isi kandungan menekankan skop perbincangan, menyusun semula idea supaya logik dan mudah difahami, menyemak fakta agar tidak bercanggah, memperbetulkan kejelasan maksud ayat, dan mengelakkan pengulangan. Sementara itu, penyuntingan naskhah adalah untuk memastikan perkara-perkara mekanik penulisan berada dalam keadaan memuaskan seperti keselarasan ejaan, penggunaan tanda bacaan, penggunaan huruf besar dan kecil dan sebagainya. Seterusnya, kesempurnaan kandungan teks terjemahan, ketepatan padanan perkataan dan penyampaian maksud teks sumber merupakan aspek-aspek yang diutamakan semasa melakukan penyuntingan. Tokoh terjemahan yang terkenal, iaitu Mossop (2014) telah mengemukakan 12 parameter penyemakan (ketepatan, kesempurnaan, logik, fakta, kelancaran, penyesuaian, subbahasa, idiom, tatacara, reka letak tipografi dan susun atur) yang boleh dijadikan panduan semasa melakukan proses penyuntingan teks. Namun begitu, penterjemah juga perlu memberi perhatian serius terhadap formula, persamaan, simbol matematik bagi penyuntingan teks terjemahan teknikal.

Ulasan bahagian ke-2 lebih tertumpu kepada terjemahan teks teknikal (teks undang-undang, teks falsafah, pengajian penterjemahan, dan teks linguistik). Seseorang penterjemah teks undang-undang perlu berkemahiran tinggi dalam undang-undang malah menguasai teori Linguistik dan teori Terjemahan. Pembaca sasaran terdiri daripada pengamal, pelaksana atau individu yang mematuhi undang-undang. Pemandahan maklumat bukan sahaja tepat malah penterjemah wajar bertanggungjawab terhadap kesan pemandahan mesej ke teks sasaran tanpa ketidakjelasan, kekaburan dan keraguan. Menurut penulis terdapat dua aspek utama yang menjadi cabaran kepada penterjemah undang-undang, iaitu leksikal dan sintaksis. Istilah-istilah dalam teks undang-undang adalah unik dan rumit. Sistem undang-undang yang berbeza menyebabkan kesukaran mencari padanan istilah yang sejadi dalam bahasa sasaran. Permasalahan yang sering timbul ialah kata konkrit dan kata fungsi. Punca permasalahan ini timbul disebabkan kesukaran membezakan sama ada istilah itu istilah undang-undang atau kata umum kerana kedua-duanya mempunyai padanan yang berlainan. Selain itu, terdapat istilah yang mempunyai padanan yang berlainan. Oleh itu bagi mengurangkan tekanan tersebut, Mashudi Kader (1994) mengemukakan lima kaedah penggubalan padanan istilah bahasa Melayu-bahasa Inggeris, iaitu bahasa Melayu, bahasa serumpun, pinjam terjemah, transliterasi dan pinjam terus. Kaedah-kaedah tersebut hanya dibenarkan sekiranya bahasa sasaran benar-benar tiada kata padanan undang-undang yang sesuai dengan bahasa sumber. Kebanyakan teks undang-undang menggunakan ayat majmuk dan ayat majmuk berlapis. Hal ini demikian kerana perkara-perkara yang hendak diperkatakan adalah rumit dan tidak mudah dijelaskan melalui ayat tunggal. Selain itu, aspek budaya dan bahasa dalam teks undang-undang perlu selari dan saling berkaitan. Budaya undang-undang dan budaya material merupakan dua aspek budaya dalam teks undang-undang. Budaya undang-undang sosialis berbeza dengan budaya undang-undang Hindu. Sehubungan itu, penterjemah budaya undang-undang perlu pengetahuan yang mendalam tentang latar belakang sejarah dan sosiobudaya sumber dan sasaran. Goh Sang Seong telah mengaplikasikan satu kaedah, iaitu Strategi penterjemahan unsur budaya. Strategi tersebut untuk membantu menangani halangan budaya semasa melakukan kerja-kerja terjemahan teks. Tuntasnya, tahap kesukaran menterjemah teks undang-undang bergantung pada tahap kesamaan sistem undang-undang itu sendiri dan bahasa antara bahasa sumber

dengan bahasa sasaran. Secara relatifnya, tahap kesamaan yang lebih tinggi menjadikan tahap kesukaran penterjemahannya lebih rendah dan begitu juga sebaliknya.

Seterusnya, bab ke-5 berkenaan penterjemahan teks falsafah berkaitan perubatan, sains dan geografi menjadi penyumbang penting kepada perkembangan ilmu sesuatu tamadun bagi sesebuah bangsa. Dua cabaran utama adalah kesukaran mencari penterjemah falsafah dan pengetahuan falsafah yang tinggi dalam bidang tertentu. Sorotan sejarah Islam membuktikan Institut Bayt al-Hikmah yang ditubuhkan pada zaman khalifah Abbasiyah (786-833) amat menghormati peranan penterjemah falsafah dengan memberi ganjaran lumayan kerana ilmunya yang tinggi dan bernilai untuk dimanfaatkan oleh cendekiawan dan sarjana Islam. Penguasaan istilah falsafah dalam sesuatu bidang merupakan penanda aras tahap keilmuan seseorang penterjemah falsafah. Langkah pertama apabila melakukan terjemahan istilah falsafah adalah dengan melihat sama ada konsep, idea atau prinsip yang terkandung dalam sesuatu istilah itu juga wujud dalam bahasa sasaran atau tidak. Peminjaman istilah falsafah adalah dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan secara meluas oleh penutur pada masa lalu. Tamadun Melayu pada peringkat awal dipengaruhi bahasa Sanskrit dan Hindu. Beberapa perbendaharaan kata bahasa Melayu adalah dari bahasa Sanskrit seperti *kesusilaan, jiwa, pancaindera, dan budi*. Kemudian pengaruh Islam dan bahasa Arab meresap dalam kehidupan Melayu lalu menambah kosa kata bahasa Melayu antaranya *akal, ilmu, hakikat, zat, dan akhlak*. Pengaruh budaya Inggeris dan Kristian sangat lama bertapak di seluruh kepulauan Melayu, namun penduduk tempatan tidak banyak menerima ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam. Walaupun mereka menolak agama Kristian tetapi khazanah bahasa Melayu banyak menerima kosa kata bahasa Inggeris. Oleh itu, penterjemah falsafah banyak melakukan peminjaman istilah falsafah terutama untuk menterjemah istilah-istilah yang tiada dalam bahasa sasaran. Penulis menasihati penterjemah agar mengelakkan jalan pintas sebaliknya sedaya-upaya mencari kesamaan makna dan padanan yang sesuai bagi menjelaskan mesej asal melalui penerangan dalam bentuk frasa selain identiti bahasa sasaran tidak mengalami kepupusan akibat daripada peminjaman istilah falsafah yang tidak berhemah.

Penterjemahan sebagai satu bidang ilmu di Malaysia semakin berkembang maju. Banyak universiti tempatan telah menubuhkan program akademik terjemahan untuk memberi peluang yang luas kepada pelajar mengikuti program tersebut secara sistematik. Dunia terjemahan semakin serius dengan tertubuhnya Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hasilnya semakin banyak buku terjemahan diterbitkan di pasaran tempatan dan luar negara. Beberapa perkara penting perlu diberi perhatian oleh penterjemah. Pertama sekali, teks mesti dibaca dengan teliti dengan tujuan memahami bentuk kandungannya dan untuk menganalisis teks dari sudut pandangan penterjemah. Seterusnya, mencetak istilah-istilah khusus dengan huruf tebal dan memberi huraian lengkap agar pembaca berbahasa Melayu memahaminya dengan jelas. Penterjemah perlu mengutamakan gaya bahasa yang boleh diterima oleh pembaca sasaran terutama perbincangan tentang idea dan konsep dalam bidang penterjemahan. Menurut Newmark (1988:13) semasa melakukan analisis teks, penterjemah wajar mengetahui pengetahuan golongan pembaca kerana pengetahuan mereka akan mempengaruhi cara teks terjemahan dihasilkan. Beliau juga membicarakan tentang stilistik (1988:14) yang melibatkan lapan tahap, iaitu tahap melampau formal, tahap rasmi, tahap formal, tahap neutral, tahap tidak formal, tahap kolokial, tahap slanga dan tahap tabu. Berdasarkan analisis yang dilakukan, teks terjemahan perlu mempunyai ciri-ciri formal dan neutral agar mudah difahami serta mengekalkan ciri-ciri dalam terjemahan tersebut. Selain itu, kualiti teks sumber perlu dititikberatkan memandangkan penulis asal bukan calang-calang orangnya. Seterusnya, penulis

tajuk ini membincangkan prosedur penterjemahan teks Akademik Pengajian Penterjemahan. Beberapa prosedur penterjemahan yang dibincangkan oleh penulis ialah unit terjemahan. Setiap unit terjemahan yang dikenal pasti akan diterjemahkan dengan memberi keutamaan tatabahasa bahasa sasaran. Gabungan unit-unit terjemahan dalam bahasa sasaran ini akan menghasilkan terjemahan dalam bahasa Melayu yang tepat dan lengkap. Prosedur tersebut boleh mengekalkan semua kandungan dan makna yang terdapat dalam teks sumber. Selain itu, penterjemah boleh juga menstruktur semula ayat yang mencakupi keseluruhan makna yang ingin disampaikan oleh penulis asal dan difahami dengan mudah. Penterjemah juga boleh menggunakan pendekatan penambahan maklumat, pengekalan istilah asal, pengguguran, dan penggunaan perkataan baharu secara praktikal dalam penterjemahan teks akademik.

Seterusnya bab ke-7, berkaitan penterjemahan teks linguistik dari sudut terjemahan. Pengulas mendapati bahawa laras bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh laras bahasa Inggeris. Walaupun teks linguistik diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, laras bahasa Inggeris masih lagi dikekalkan. Laras bahasa dalam konteks teknikal adalah tidak sama dengan laras yang dijumpai dalam bidang bukan teknikal (iklan, rencana, atau sastera). Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan melihat menerusi kekerapan penggunaan kosa kata yang sangat spesifik dalam bidang linguistik sahaja. Selain kekerapan, kebanyakan kata pinjaman bahasa Inggeris telah diberi ciri tempatan seperti imbuhan awalan dan akhiran bahasa Melayu. Kepekaan penterjemah terhadap laras bahasa dalam konteks sesuatu teks amat penting kerana konteks tersebut akan menentukan makna yang hendak disampaikan. Seperkara lagi, analisis laras bahasa juga dianggap sebagai model yang berkesan untuk penterjemahan yang berkualiti sekiranya menekankan aspek komunikatif, pragmatif, dan dimensi semiotik (budaya). Penggubalan istilah dalam cabang ilmu teras (kimia, fizik, biologi, geologi, kejuruteraan dan perubatan) amat diperlukan dalam terjemahan teknikal. Oleh itu, banyak istilah pinjaman daripada bahasa Inggeris dilakukan dan masalah yang timbul ialah pentranskripsian istilah asing ke dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, bab 8 membincangkan penterjemahan teks panduan penggunaan. Teks tersebut semakin berkembang pesat kini selaras dengan kemajuan perdagangan dan perniagaan. Dokumen-dokumen berkaitan teks itu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu panduan pengendalian dan maklumat teknikal atau separa teknikal. Dari segi bentuk, teks tersebut boleh didapati dalam bentuk buku kecil, brosur, lembaran kertas, kad dan dalam bentuk format elektronik (foto, grafik, dan gambar rajah). Fungsi teks panduan penggunaan adalah untuk memberi penjelasan kepada pengguna bagi memudahkan proses pemasangan, pengendalian, penyelenggaraan sesuatu produk, peralatan atau perkhidmatan. Dalam hal ini, keutamaan terjemahan adalah dari segi kandungannya dapat memberi gambaran tepat tentang produk, pengguna berupaya melaksanakan sesuatu arahan dan melindungi keselamatan pengguna. Keperluan menterjemahkan teks tersebut adalah disebabkan faktor penjualan produk, cara-cara penggunaan produk yang betul dan selamat dan mematuhi peraturan atau undang-undang. Seterusnya, penulis menyatakan bahawa gabungan teori Skopos dan teori Relevans sangat sesuai digunakan dalam penterjemahan teks panduan penggunaan kerana bersifat pragmatik dan berfokus pada teks sasaran. Prinsip kedua-dua teori itu lebih bersifat fleksibiliti dan mengutamakan kesetaraan serta kandungannya sesuai dengan pembaca dan budaya sasaran. Matlamat penterjemahan teks panduan penggunaan mestilah menghasilkan teks sasaran yang jelas dan mudah difahami dengan cara yang paling mesra bagi membantu pembaca sasaran menggunakan produk yang dibeli. Menurut Nord (1997) dalam ikhtisar terjemahannya, beliau mencadangkan beberapa perkara yang boleh menentukan kaedah yang paling sesuai digunakan untuk menterjemahkan teks sumber, iaitu fungsi terjemahan, golongan sasaran, masa dan

tempat teks diterima, medium penghantaran dan motif penterjemahan. Seperkara lagi, penterjemah perlu memahami kandungan teks, bahasa dan budaya teks sasaran dalam mendepani segala permasalahan penterjemahan.

Bab terakhir buku ini mengetengahkan penterjemahan *surttitle* atau sari kata. Sebenarnya perkembangan teknologi dalam dunia penyiaran pada masa kini amat pesat. Program-program televisyen, filem dan Internet yang disaksikan oleh semua lapisan masyarakat yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Orang ramai yang menonton sesuatu program tidak akan memahami sepenuhnya mesej yang hendak disampaikan jika bahasa yang digunakan adalah bahasa ke-2 atau bahasa asing. Oleh itu *surttitle* adalah untuk memudahkan penonton memahami mesej dan menarik perhatian penonton menyaksikan persembahan (drama, teater atau opera). Peranan *surttitle* lebih mendekati penonton dengan cara yang mesra. Selain itu *surttitle* boleh membantu orang pekak untuk memahami pertuturan pelakon-pelakon. Pelajar asing yang mengikuti pengajian di negara kita berpeluang mempelajari kebudayaan Malaysia dengan lebih dekat lagi. Mereka yang terlibat dengan terjemahan *surttitle* harus menguasai bahasa asal dan bahasa sasaran selain sensitif dengan terhadap kebudayaan dan kepercayaan bahasa sumber. Penulis menerusi artikelnya menyarankan penterjemah *surttitle* perlu memiliki kemahiran pementasan termasuklah jenis persembahan, ciri-ciri persembahan, jenis teks yang akan diterjemahkan kepada penonton sasaran, latar belakang opera, bahasa dialek (Teochew, Hokkien atau Kantonis), bentuk persembahan watak pelakon. Semua pengetahuan ini akan membantu penterjemah memilih perkataan-perkataan atau frasa yang sesuai dalam terjemahan *surttitle*. Selain itu, penterjemah juga harus memahami cara penulisan skrip supaya mesej yang hendak disampaikan itu lebih difahami oleh penonton.

Berdasarkan semua bab yang dimuatkan dalam buku *Explorasi Terjemahan*, pengulas mendapati kebanyakan hasil penulisan pengkaji berkaitan bidang terjemahan mencapai objektif sepenuhnya. Pengkaji-pengkaji berjaya mengetengahkan teori-teori penting yang boleh membantu penterjemah antarabangsa dan penterjemah tempatan melakukan kerja-kerja menterjemah. Seterusnya, buku ini banyak mencadangkan beberapa prosedur terjemahan yang sesuai digunakan dalam mendepani masalah-masalah terjemahan. Menterjemah teks teknikal lebih sukar berbanding teks bukan teknikal terutamanya mencari padanan istilah. Buku ini ada mencadangkan agar penterjemah melakukan terjemahan istilah yang disyorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selain itu, pengulas mendapati proses penyuntingan yang disyorkan sebagai sesuatu langkah yang tepat untuk meningkatkan kualiti dan penghasilan sesuatu terjemahan. Seseorang penterjemah perlu menguasai teori-teori terjemahan dan kemahiran penggubalan istilah bagi teks yang sukar (teks undang-undang). Memandangkan istilah-istilah teks undang-undang berbeza dengan istilah-istilah yang lain disebabkan faktor agama dan budaya bahasa sesuatu bangsa maka menerusi buku ini, Goh Sang Seong mencadangkan strategi penterjemahan unsur budaya untuk kemudahan penterjemah. Satu elemen yang sangat dialu-alukan dalam dunia perdagangan dan perniagaan ialah penterjemahan teks panduan penggunaan. Penghasilan terjemahan tersebut boleh membantu para peniaga untuk meyakinkan pembeli untuk membeli produk dan perkhidmatan. Akhir sekali, seiring dengan perkembangan teknologi dalam bidang penyiaran bahawa terjemahan *surttitle* yang sering digunakan pada program-program televisyen seperti drama, tayangan slide, filem, dan persembahan pentas. Tujuan terjemahan *surttitle* adalah untuk memudahkan penonton sasaran memahami mesej yang hendak disampaikan dalam program tersebut. Terjemahan *surttitle* biasanya menggunakan bahasa sasaran supaya penonton pelbagai bangsa berasa selesa dan mendapat kepuasan ketika menonton program itu. Buku ini banyak kegunaannya kepada tenaga pengajar, pelajar-pelajar program terjemahan dan penterjemah

yang aktif dalam kerja-kerja menterjemah. Kejayaan editor dapat mengumpul aspek-aspek yang menarik dan mantap berkaitan dunia terjemahan adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh semua lapisan pembaca.

Mohd Helmi Bin Pangat
Kementerian Pendidikan Malaysia